



**PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

ARAS 11, 12C, 15, 16, 17, 18, 19 DAN 27

MENARA DATO' ONN

PUSAT DAGANGAN DUNIA KUALA LUMPUR (WTCKL)

NO. 45, JALAN TUN ISMAIL

50530 KUALA LUMPUR



Telefon : 03 - 4051 6000
Faks : 03 - 4047 6142
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 (46)

Tarikh : 23 Disember 2024

**Ketua Eksekutif/Pengarah/Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN KRITERIA AGIHAN PERUNTUKAN TAHUN 2025 DAN
PENDAFTARAN PELATIH SECARA DALAM TALIAN BAGI PERMOHONAN PINJAMAN
DAN PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN TAHUN 2025 BAGI PENYEDIA LATIHAN
AWAM DAN SWASTA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pendaftaran dan Agihan (JPPA) Bilangan 13 tahun 2024 yang bersidang pada 9 Disember 2024 telah bersetuju dengan kriteria agihan peruntukan dan tarikh sesi pendaftaran pelatih secara dalam talian bagi permohonan pinjaman dan pembiayaan latihan kemahiran tahun 2025 dibuka bermula pada **2hb. Januari, 2025 (Khamis) hingga 31hb. Mac, 2025 (Isnin)**.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan jua, agihan kapasiti diberikan kepada Penyedia Latihan yang layak dan memenuhi syarat-syarat agihan iaitu:

- (i) Agihan peruntukan adalah berdasarkan prinsip kriteria pengagihan ***first come first serve basis*** DAN tertakluk kepada kesediaan dana semasa;
- (ii) Kapasiti yang diluluskan adalah seperti kapasiti yang diluluskan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran semasa tarikh semakan dibuat.
- (iii) Tempoh pendaftaran PL dan program latihan kemahiran masih aktif dengan PTPK;
- (iv) PL bebas daripada tindakan penguatkuasaan dan pembekuan PTPK;
- (v) Program latihan kemahiran adalah berstatus aktif dengan PTPK;
- (vi) Program latihan kemahiran yang dibiayai dengan program kod NOSS baharu. Pembiayaan program latihan dengan kod NOSS yang telah diumumkan tertakluk kepada kelulusan PTPK;
- (vii) Program latihan kemahiran bebas daripada sekatan pengambilan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran;

Ruj. Kami: PTPK.P&P.100-1/4/1 (46)

Tarikh : Disember 2024

PEMAKLUMAN KRITERIA AGIHAN PERUNTUKAN TAHUN 2025 DAN PENDAFTARAN PELATIH SECARA DALAM TALIAN BAGI PERMOHONAN PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN TAHUN 2025 BAGI PENYEDIA LATIHAN AWAM DAN SWASTA

- (viii) Mematuhi tempoh masa permohonan pinjaman tidak melebihi 60 hari dari tarikh pendaftaran dengan JPK. Bagi tempoh latihan yang melebihi daripada tempoh 60 hari, **pengecualian pendaftaran ini hanya akan diberikan sehingga tarikh 31 Januari 2025 sahaja**; dan
- (ix) Mematuhi tempoh masa penghantaran dokumen pinjaman tidak melebihi 60 hari dari tarikh kelulusan pinjaman.


4. Sebagai pemakluman awal YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, **bermula pada 1 April 2024, PTPK kriteria pengagihan kapasiti akan di struktur semula mengikut kaedah yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa**. Pembukaan semula pendaftaran pelatih ini akan melibatkan semua Skim Pinjaman Dan Pembiayaan yang diuruskan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

5. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)

Pengarah Kanan

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia